

PGA rampas 1,683 paket minyak masak

TUMPAT - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan merampas 1,683 paket minyak masak bersubsidi yang cuba diseludup ke Thailand dalam dua serbuan bersinggan di Kampung Bendang Pak Yong di sini malam semalam.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendant Azhari Nusi berkata, bagaimanapun kedua-dua suspek mlarikan diri ketika serbuan dilakukan.

Katanya, ketika serbuan pertama pada jam 2 pagi anggota PGA merampas 867 paket minyak masak bersubsidi bernilai



Kereta yang membawa minyak masak seludup dirampas dalam serbuan di Kampung Bendang Pak Yong, Tumpat semalam.

RM2,167.50.

"Dalam serbuan kedua pula sebanyak 816 paket minyak masak bernilai RM2,040 dirampas," katanya dalam satu kenyataan

di sini semalam.

Katanya, nilai keseluruhan rampasan termasuk dua kenderaan yang digunakan untuk menyeludup berjumlah RM14,205.50.